

‘Tiada desakan henti perbincaraan kes rasuah Najib’

UMNO tidak pernah arah campur tangan dalam kes 1MDB

Oleh Fahmy A Rosli dan Hana Naz Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tiada desakan daripada mana-mana parti untuk menghentikan perbincaraan kes rasuah Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri dalam temu bual bersama Al Jazeera berkata, walaupun UMNO adalah sebahagian daripada Kerajaan Perpaduan, beliau tidak didesak untuk campur tangan dalam kes 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

“Najib masih menjalani perbincaraan utama sekarang atas tuduhan rasuah. Sebahagian kerajaan gabungan adalah daripada parti beliau, namun tiada desakan ke atas saya untuk menghentikan perbincaraan yang se-

dang berjalan,” katanya.

Terdahulu Perdana Menteri diminta menjawab kritikan bahawa reformasi ekonomi dan demokratik oleh kerajaan pimpinannya sudah mulai perlahan, malah, sejak mengambil alih jawatan, Anwar lebih mengutamakan usaha menstabilkan gabungan itu daripada menyiasat individu berpengaruh atas dakwaan rasuah.

Anwar berkata, tidak boleh untuk membetulkan ‘keterlaluan yang berpuh tahun’ dalam tempoh satu setengah tahun berkuasa.

“Sebelum ini, kita sudah melihat percubaan seperti itu di Eropah Timur, di mana negara-negara berkobar-kobar menjalankan pembaharuan pantas, akhirnya bertukar bencana kepada ekonomi dan persediaan politik.

“Dalam kes kita (Malaysia), bertentangan dengan anggapan pembangkang, apa yang paling penting ialah tadbir urus.

“Kita sudah berjaya menyiasat penyalahgunaan oleh pemimpin dan anggota Kabinet daripada membazirkan kekayaan melalui rundingan terus, tender berbilion-bilion dolar. Kita sudah

menghentikannya,” katanya.

Mengenai isu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang dilepas tanpa dibebaskan (DNAA), Anwar berkata, ia terpulung kepada Peguam Negara untuk menjelaskan.

Tambahnya, terpulung kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk meneruskan sebarang siasatan sekiranya seseorang didapati mengumpul berbilion-bilion ketika berkuasa, tidak kira mereka sebahagian daripada kerajaan atau pembangkang.

“(Bekas perdana menteri) Tun Dr Mahathir Mohamad menyokong pembangkang dan (bekas menteri kewangan) Tun Daim Zainuddin nampaknya agak neutral, tetapi ada siasatan oleh SPRM bahawa berbilion-bilion sudah dikumpulkan.

“Terpulung kepada mereka (SPRM) untuk menyiasat dan untuk Peguam Negara mendakwa sekiranya terdapat bukti konklusif untuk badan kehakiman mengadili dan membuat keputusan. Ia bukan untuk saya (buat keputusan).

“Masalahnya ialah saya mawarisi sistem yang autoritarian dan

“Kita sudah berjaya menyiasat penyalahgunaan oleh pemimpin dan anggota Kabinet daripada membazirkan kekayaan melalui rundingan terus, tender berbilion dolar. Kita sudah hentikannya”

*Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri*



separa diktator serta mengawal badan kehakiman, pendakwaan dan penyiasatan apabila mereka memegang jawatan ini,” katanya.

Anwar terbuka dikritik

Mengenai kritikan terhadapnya, Anwar berkata beliau terbuka namun ia janganlah melampaui batas sehingga menyentuh sensitiviti khususnya membabitkan isu agama, kaum dan institusi raja (3R).

Walaupun sering kali dikritik, Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah mengambil sebarang tindakan terhadap individu terbabit.

“Tapi yang penting, kritik ia dibolehkan. Saya telah didera (dikritik) dalam pelbagai cara dan saya tidak mendakwa mereka (yang melakukannya).

“(Bagaimanapun) isunya ialah apabila anda menyentuh sensi-

tiviti (3R). Contohnya mengutuk kaum, agama, anda mengundang dan menghasut untuk merusuh.

“Kita tidak boleh membenarkan perkara ini berlaku di negara ini, lebih-lebih lagi jika anda menyentuh (isu) raja.

“(Namun) saya tidak kata bahawa anda tidak boleh mempersoalkan (kerajaan). Kita tidak dakwa mereka atau (bawa) mereka untuk disoal siasat,” katanya.

Mengulas kedudukan Malaysia yang jatuh 34 anak tangga kepada tempat ke-107 berbanding ke-73 dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2024 yang diterbitkan oleh Reporters Without Borders, Perdana Menteri berkata beliau maklum mengenai perkembangan itu.

Bagaimanapun, katanya, di bawah pentadbirannya tiada war-tawan ditangkap atau tiada akhbar yang diharamkan.